

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menerangkan komitmen dan perancangan Kementerian meningkatkan kemudahan infrastruktur Klinik Kesihatan Kota Samarahan dengan mendirikan bangunan tambahan, tambahan tempat letak kenderaan dan kemudahan perubatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Bagi perancangan jangka panjang, **KKM berhasrat untuk membina Klinik Kesihatan yang baru bagi menggantikan KK Samarindah sedia ada yang terletak 12km daripada KK Kota Samarahan.** KK Samarindah yang baru ini dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan di KK Kota Samarahan. Buat masa ini, KKM sedang mengenal pasti tapak yang sesuai untuk KK Samarindah (gantian) ini. KKM akan sentiasa memantau keperluan kesihatan penduduk dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan, tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

2. Dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti kesihatan, **KKM melaksanakan beberapa inisiatif bagi menampung kedatangan pesakit yang semakin meningkat.** Antara inisiatif yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Perkhidmatan konsultasi secara maya (Virtual Clinic);
  - b) LEAN Healthcare di Klinik Kesihatan
  - c) Pengisian jawatan pegawai perubatan mengikut keperluan
  - d) Fast lane - warga mas, OKU, kanak-kanak dan kes kecemasan. Menambahbaik sistem pendispensan ubat – Perkhidmatan tambah nilai (Value Added Services - VAS) di kaunter farmasi. (VAS – seperti Kad temujanji, Letak dan Ambil, Ubat Melalui Pos (UMP) dan juga Pusat Pengambilan Ubat Susulan Setempat (PPUSS) dan perkhidmatan ubat secara pandu lalu).
3. Bagi mengurangkan masalah tempat letak kereta pula, sistem temujanji secara berperingkat diatur supaya pesakit tidak terumpu di klinik kesihatan pada satu-satu masa sahaja. Langkah ini juga bagi memastikan pematuhan SOP pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kementerian juga mempunyai perancangan untuk meluaskan tempat letak kereta dengan menggunakan baki tanah dalam kawasan klinik sedia ada dan perkara ini dalam tindakan penyelarasan oleh JKN Sarawak.

Sekian, terima kasih.